KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JPN TERENGGANU/TNB			

Terengganu digesa siasat balak hanyut di Tasik Kenyir

Kawasan di hulu bukan dalam zon pembalakan

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Kerajaan negeri dan Jabatan Perhutanan digesa segera menyiasat kes balak dan kayu hanyut yang berlaku di Tasik Kenyir sejak Isnin lalu.

Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Telemong, Datuk Rozi Mamat, berkata ini kerana kawasan daerah Hulu Terengganu, terutama sekitar Tasik Kenyir, bukannya zon pembalakan.

Beliau mendakwa, sejak Isnin lalu, batang pokok balak dan sisa hutan dilihat hanyut dibawa arus, memenuhi permukaan beberapa kawasan sekitar tasik itu.



Rozi Mamat

"Jabatan Perhutanan, kerajaan negeri dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu mengenal pasti punca berlakunya kejadian ini.

"Pokok balak dikatakan tumbang dan dihanyutkan arus sehingga menyebabkan berlakunya runtuhan tebing di beberapa lokasi sekitar Tasik Kenyir," katanya.

Rozi berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan air bersih dan bakul makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kampung Tadok, di sini, semalam.

Beliau menegaskan, balak hanyut itu bukan isu politik, sebaliknya Jabatan Perhutanan dan kerajaan negeri serta TNB, bertanggungjawab menyiasatnya serta menjelaskan kepada rakyat.

"Beberapa kawasan di Hulu Terengganu termasuk Tasik Kenyir, bukannya zon pembalakan tetapi agak menghairankan apabila balak dan sisa hutan tiba-tiba timbul di permukaan air akibat dihanyutkan arus," katanya.



Batang balak dan sisa hutan dibawa arus memenuhi permukaan sekitar Tasik Kenyir sejak kelmarin. Foto ihsan BOMBA)